



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	Kejayaan Kementerian Sumber Manusia sejak peralihan kuasa
Akhbar	Berita Harian
Tarikh	25 April 2019
Ruang	Laporan Prestasi
Muka Surat	9

# Kejayaan Kementerian Sumber Manusia sejak peralihan kuasa

385,000 pekerja asing peroleh perlindungan sejak kerajaan wajib dasar 1 Januari lalu

Oleh Luqman Arif  
Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

Putrajaya

Langkah memperluaskan perlindungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) membabitkan pekerja asing yang berkhidmat di pelbagai sektor di Malaysia, disifatkan antara kejayaan ditempa Kementerian Sumber Manusia, sejak peralihan kuasa pada 9 Mei, tahun lalu.

Menyatakan perkara tersebut, Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran berkata perangkaan terkini menunjukkan kira-kira

385,000 pekerja asing di negara ini mendapat perlindungan PERKESO sejak kerajaan mewajibkan dasar berkenaan, berkuat kuasa 1 Januari lalu.

Katanya, dasar sama rata yang cuba diwujudkan kerajaan itu selaras perkembangan semasa yang menyaksikan peningkatan kes kemalangan di tempat kerja, membabitkan buruh asing.

Selain itu, katanya, ia adalah pendekatan timbal balik, memandangkan ramai rakyat Malaysia ketika ini berada di luar negara untuk bekerja dalam pelbagai sektor bagi menampung kehidupan ahli keluarga, sekali gus mencetuskan persoalan mengenai tanggungjawab kerajaan merangka dasar sama.

"Ia perlu dilakukan bagi menangani diskriminasi kerana ribuan rakyat Malaysia juga bekerja di luar negara. Kalau kita mahu perlindungan yang saksama dan sepatahnya kepada rakyat Malaysia di sana, maka perkara sama harus dibuat.

"Oleh itu, kita perluaskan perlindungan PERKESO dan mewajibkan setiap majikan yang menggaji buruh asing menjadi pencarum," katanya pada sidang media



sempena setahun Pakatan Harapan memegang tumpukan pemerintahan, di sini semalam.

## Dua janji utama

Ketika dilantik menyandang jawatan Menteri pada 21 Mei, tahun lalu, Kulasegaran berkata, beliau menyemat dua janji utama iaitu menghapuskkan amalan rasuah yang sebelum ini didakwa menukar dalam pelbagai peringkat bildang kuasa membabitkan Kementerian Sumber Manusia.

Beliau berkata, janji berkenaan setakat ini melakar kejayaan apabila tiada kes pecah amanah, pernyelengengan dan penyalahgunaan kuasa direkodkan sepanjang hampir setahun meneraju tumpuk pentadbiran kementerian.

"Integriti dan keyakinan, khu-

susnya membabitkan Menteri, Timbalan Menteri dan pegawai di kementerian didapati semakin meningkat, justeru mencerminkan arus perubahan positif ke arah kelancaran proses tadbir urus kerajaan.

"Janji kedua ialah untuk mengetarkan kegiatan pengutukasaan, namun ia amat mencabar kerana kita berdepan kekangan jumlah pegawai dan tiada peruntukan mencukupi bagi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menambah bilangan anggota," katanya.

Berkongsi cabaran paling sukar, Kulasegaran berkata, itu berkaitan pekerja asing di Malaysia yang seakan tiada pengaturan walaupun pelbagai usaha bagi menangani rangkaian polemik dilaksanakan kerajaan, mencakupi kerjasama agensi berkaitan.

"Tak sudah-sudah, sejak hari pertama jadi menteri, itulah usaha utama saya. Ramai mungkin tidak tahu sebenarnya kementerian saya hanya kendalikan proses permohonan dengan meneliti butirannya.

"Setiap permohonan kemudian akan diserahkan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk diproses," katanya.



Dasar sama rata yang cuba diwujudkan kerajaan itu selaras perkembangan semasa yang menyaksikan peningkatan kes kemalangan di tempat kerja, membabitkan buruh asing.

**M Kulasegaran,**  
Menteri Sumber Manusia



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	Perketatkan keselamatan sekolah tafhiz
Akhbar	Utusan Malaysia
Tarikh	25 April 2019
Ruang	Rencana
Muka Surat	19

# Perketatkan keselamatan sekolah tafhiz



**Lee Lam Thye**

MENULIS

**P**ENDEDAHAN terbaru mengenai bahaya kebakaran di pusat tafhiz sekali lagi menunjukkan betapa masyarakat kita masih mengamalkan budaya reaktif dalam menangani isu berkaitan keselamatan di mana kita hanya akan bertindak selepas perlakunya tragedi.

Walaupun telah banyak kes kebakaran dilaporkan berlaku sebelum ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mendapati sebanyak 495 buah daripada 1,267 pusat tafhiz yang diperiksa di seluruh negara berdepan risiko kebakaran, sekali gus boleh mengundang bahaya kepada penghuninya.

Amat membimbangkan apabila dilaporkan isu utama membabitkan 495 pusat tafhiz berkenaan adalah berhubung kesesakan di asrama, ketiadaan pintu kecemasan serta laluan menyelamatkan diri sekiranya berlaku kebakaran.


Sebelum ini kita dikehujung dengan pendedahan pihak JBPM bahawa 140 daripada 649 bangunan milik kerajaan di seluruh negara masih tidak mempunyai Sijil Perakuan Bomba (FC) seperti yang diperlukan dalam undang-undang.

Walaupun sekolah tafhiz secara spesifik tidak termasuk dalam senarai keperluan mendapatkan FC, asrama dan domitorinya adalah di antara sembilan premis yang tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Kita tidak seharusnya melupakan kebakaran di Pusat Tafhib Darul Quran Ittifaqiyah di Jalan Datuk Keramat pada 14 September 2017. Dalam insiden yang berlaku pada pukul 5.15 pagi itu, 21 pelajar dan dua guru terbunuh apabila mereka terperangkap di tingkat tiga asrama yang terbakar.

Kejadian itu juga bukanlah yang pertama merugikan nyawa di sekolah agama kerana pada 22 September 1989, Sekolah Agama Rakyat Taufiqiah Al-Khairiah Al-Halimiah atau lebih dikenali sebagai "Pondok Pak Ya" di Kampung Padang Lumut, Yan, Kedah turut terbakar.

Seramai 27 pelajar



LEE LAM THYE (dua dari kanan) beramah mesra dengan peserta Seminar OSH for Tafhib 2017 di NIOSH, Bangi, Selangor, dua tahun lalu. - UTUSAN

perempuan terbunuh dalam kebakaran yang memusnahkan lapan asrama di sekolah tersebut.

Malangnya, cadangan dikemukakan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) yang ditubuhkan untuk menylasat kebakaran di Pondok Pak Ya tidak pernah dilaksanakan.

Namun saya amat berbesar hati apabila semakin banyak institusi keagamaan turut bersama-sama mengorak langkah ke hadapan dan membuktikan mereka mampu menjadi pemimpin dalam pelbagai bidang termasuk berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP).

Pihak pengurusan dan pentadbir sekolah-sekolah agama seharusnya bertindak secara proaktif dengan menetapkan standard yang tinggi bagi menjamin aspek keselamatan dan kesihatan di premis masing-masing.

Mereka boleh menjadikan buku panduan KKP untuk sekolah tafhib yang diterbitkan oleh NIOSH awal tahun lepas sebagai rujukan utama untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di premis masing-masing.

Buku Panduan KKP untuk Sekolah Tafhib ini amat mudah untuk difahami dan boleh dilaksanakan dengan baik di semua sekolah tafhib seluruh negara.

Di samping itu, buku panduan ini dapat menyediakan dan menggalakkan pelaksanaan penilaian risiko dan kawalan risiko (HIRARC) serta penyediaan prosedur kerja selamat bagi setiap aktiviti yang dijalankan di sekolah.

Pada masa sama, usaha bersepadu perlu dilaksanakan

untuk mendaftarkan semua sekolah tafhib swasta yang dipercayai melebihi 800 buah dengan hampir 50,000 pelajar dan 5,000 guru.

NIOSH yang turut menghartai pasukan khasnya untuk melawat sekolah-sekolah tafhib bagi mengenal pasti masalah dihadapi mendapat betapa daif sesetengah premis tersebut alih-alih kurangnya kesedaran serta dana tidak mencukupi.

Antaranya, keadaan kabel elektrik yang terdedah dan kedudukannya merentangi laluan serta penggunaan lingkaran nyamuk yang tidak diletak dalam bekas yang sesuai. Terdapat juga pintu kecemasan dihalang dengan pelbagai objek manakala pemadam api pula tidak disenggara atau disimpan jauh dari bangunan sekolah dan asrama.

Justeru, semua pihak perlu membantu dari segi kewangan, kepakaran dan tenaga kerja bagi meningkatkan tahap keselamatan di sekolah-sekolah tafhib ini agar insiden menyayat hati tidak berulang di institusi dibina bagi membentuk generasi akan datang yang berilmu dan beriman.

Seumua pihak perlu akur bahawa pematuhan terhadap OSHA 1994, penguatkuasaan berterusan oleh agensi beribat serta inisiatif latihan KKP oleh NIOSH tidak akan berjaya tanpa sokongan setiap lapisan masyarakat demi menangani isu kemalangan dan kebakaran di sekolah-sekolah tafhib.

**TAN SRI LEE LAM THYE** ialah Pengurus Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH).



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	Maut dihempap kren tumbang
Akhbar	Utusan Malaysia
Tarikh	25 April 2019
Ruang	Dalam Negeri
Muka Surat	42

## Maut dihempap kren tumbang

**PARIT 24 April** - Seorang lelaki maut setelah kren yang dipandu tumbang dan menghem-papnya di tapak projek perumahan berhampiran Taman Maju, Jalan Ipoh-Lumut dekat Seri Iskandar di sini hari ini.

Difahamkan, Lai Kim Choy, 47, cuba melompat keluar dari tempat duduk pemandu untuk menyelamatkan diri namun gagal dan sebahagian badannya dihempap jentera berat berkenaan.

Kejadian itu menyebabkan mangsa mengalami kecederaan parah dari bahagian perut ke bawah.

Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Seri Iskandar, Roslan Ahmad berkata, sebuah jentera bersama lima

anggota dihantar ke lokasi kejadian bagi melakukan tugas-tugas menyelamat selepas pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian itu pada pukul 12.25 tengah hari.

"Ketika anggota bomba sampai, sebahagian badan mangsa berada di bawah jentera tersebut.

"Pihak pemaju kemudian menggunakan sebuah kren lain untuk mengangkat jentera yang tumbang itu bagi membolehkan mangsa dileluarkan," katanya.

Roslan memberitahu, mangsa walau bagaimanapun disahkan telah meninggal dunia oleh pasukan perubatan dan diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut," katanya.



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	Pemandu maut dihempap kren
Akhbar	Harian Metro
Tarikh	25 April 2019
Ruang	Setempat
Muka Surat	8

## Pemandu maut dihempap kren

Seorang lelaki maut selepas kren dikendalikaninya tumbang sebelum menghempapnya di tapak projek perumahan berhampiran Taman Maju, Jalan Ipoh-Lumut di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 12 tengah hari, Lai Kim Choy, 47, meninggal dunia selepas parah di bantuan.

Difahamkan, mangsa cuba melompat keluar dari tempat duduk pemandu untuk menyelamatkan diri, tetapi tidak sempat.

Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Seri Iskandar Roslan Ahmad berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 12.25 tengah hari sebelum sepasukan anggota bergerak ke lokasi kejadian.

Menurutnya, sebaiknya didapati mangsa masih berada di tempat kejadian dengan sebahagian bahannya berada di bawah jentera berkenaan.

"Anggota bomba cuba mengalihkan mangsa, tetapi gagal disebabkan jentera terlalu berat.

"Pemaju memberi bantuan dengan menyediakan kren lain untuk mengangkat kren tumbang itu bagi membolehkan anggota bomba membawa mangsa keluar," katanya.



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	Crane collapse kills man
Akhbar	New Straits Times
Tarikh	25 April 2019
Ruang	News / Region
Muka Surat	14

## CRUSHED TO DEATH

# Crane collapse kills man

**SERI ISKANDAR:** A 47-year-old man was killed when a crane he was operating collapsed on him at a housing project site in Taman Maju, Jalan Ipoh-Lumut here yesterday.

In the 12 noon incident, Lai Kim Choy was killed due to severe injuries to his body.

It is learnt that Lai was trying to jump out of his seat but failed to do so before the crane collapsed on him.

State Fire and Rescue Department spokesman said the

department received a distress call at 12.25pm before a team of firemen was dispatched to the scene.

"Upon arrival, Lai was underneath the crane and the firemen tried to remove his body but failed as the crane was heavy. The developer provided another crane to remove the machine to enable the team to retrieve him," he said.

He added that Lai's body was handed over to police for post-mortem.



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	Amah nekad lari elak majikan kejam
Akhbar	Harian Metro
Tarikh	25 April 2019
Ruang	Setempat
Muka Surat	32

# Amah nekad lari elak majikan kejam

**Kulim:** Tidak tahan dipukul dan tidak dibayar gaji menyebabkan tiga wanita warga Indonesia nekad melaikan diri dari rumah ejen mereka sebelum mendapatkan perlindungan di Konsulat Indonesia, Pulau Pinang sebulan lalu.

Bagaimanapun, mereka berusia 36 hingga 48 tahun yang trauma dengan kejadian itu hanya tampil membuat laporan di Balai Polis Padang Serai jam 5.50 petang Isnin lalu untuk tindakan selanjutnya.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kedah Senior Asisten Komisioner Mior Faridalthrash Wahid berkata, mangsa mengadu melaikan diri dari rumah ejen pekerja asing pada 23 Mac lalu.

Mereka mengatakan tidak tahan dipukul ejen berusia 59 tahun itu selain tidak dibayar gaji ketika bekerja dengan lelaki terbabit.

Menurutnya, selepas melaikan diri mereka mendapatkan perlindungan di

Konsulat Indonesia, Pulau Pinang.

"Siasatan awal polis mendapati mereka datang ke negara ini pada Mei tahun lalu dan bekerja sebagai pembantu rumah.

"Jika majikan membuat aduan kepada ejen terbabit, mangsa akan dikembalikan semula kepada lelaki itu," katanya dalam kenyataan semalam.

Mior Faridalthrash berkata, hal ini menyebabkan mereka bertukar majikan beberapa kali, malah mengadu dipukul dan dimarahi ejen itu kerana tidak pandai membersihkan rumah.

"Siasatan mendapati mereka dieksploitasi oleh ejen terbabit yang melakukan kesalahan pemerdagangan manusia.

"Susulan itu suspek ditanah semalam (kelmarin) bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 12 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Atipsom) 2007," katanya.



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

ISU	3 wanita Indonesia dakwa dipukul, tidak dibayar gaji
Akhbar	Kosmo
Tarikh	25 April 2019
Ruang	Negara
Muka Surat	14

## 3 wanita Indonesia dakwa dipukul, tidak dibayar gaji

**KULIM** – Tiga wanita warga Indonesia yang disyaki menjadi mangsa eksplorasi ejen pekerja warga asing di sini bertindak mlarikan diri sebelum mendapatkan perlindungan di Konsulat Indonesia di Pulau Pinang, bulan lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kedah, Senior Asisten Komisioner Mior Faridala-thrash Wahid berkata, mangsa yang berusia antara 36 hingga 48 tahun itu membuat laporan polis berhubung kejadian berkenaan di Balai Polis Padang Serai di sini pukul 5.50 petang Isnin lalu.

"Mereka mlarikan diri dari rumah ejen pada 23 Mac lalu selepas dikatakan tidak tahan dipukul oleh ejen serta tidak dibayar gaji sepanjang bekerja sebagai pembantu rumah," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, siasatan yang dilakukan mendapati tiga mangsa terbabit datang ke Malaysia sejak Mei hingga Disember tahun lalu dan bekerja sebagai pembantu rumah.

"Tiga wanita Indonesia itu dihantar ke rumah majikan, bagaimanapun mereka dikembalikan kepada ejen selepas majikan membuat aduan.

"Mangsa-mangsa mengadu dipukul dan dimarahi oleh ejen kerana tidak pandai menjalankan kerja-kerja membersihkan rumah dan selalu bertukar majikan," ujarnya.

Tambahnya, hasil siasatan awal mendapati mereka telah dieksplorasi oleh ejen pekerja asing atas kesalahan memperdagangkan orang.

"Susulan laporan polis itu, kita telah menahan seorang lelaki berusia 59 tahun dan kes disiasat mengikut Seksyen 12 Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan (ATIPSOM) 2007," jelasnya.